

30 OCT 2003

POLIS: ORANG RAMAI DINASIHAT TIDAK SERTAI PERHIMPUNAN HARAM ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Dell Akbar Khan menasihati orang ramai supaya tidak menyertai sebarang perhimpunan dan perarakan haram yang dijangka akan dianjurkan oleh parti-parti pembangkang di sini esok.

Dell berkata, polis difahamkan perhimpunan itu diadakan sebelah petang membabitkan perarakan ke Balai Polis Dang Wang bagi membuat laporan polis berhubung salah laku dan salah guna kuasa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya ingin menegaskan di sini, jika mereka melakukan perarakan itu kita akan ambil tindakan. Tetapi kalau setakat nak datang buat laporan, kita boleh terima sesiapa sahaja yang datang untuk buat laporan," katanya kepada media selepas majlis berbuka puasa anjuran Ibu Pejabat Polis Kontijen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Dell memberi amaran polis juga akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dengan aktiviti pengedaran risalah mengenai salah laku Dr Mahathir yang dijangka akan diadakan di sebuah pusat membeli belah di sini Sabtu ini.

"Kita akan mengambil tindakan sekiranya mereka tidak mematuhi Akta Percetakan dan apa juga risalah yang hendak diedarkan hendaklah mempunyai nombor rujukan percetakan dan sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

NSM HK MOZ